

'Bukan masa dunia berbeza pendirian hadapi ancaman'

Usaha cari penyelesaian menuntut kerjasama serantau

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Selari dengan hasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Asia Tenggara, Perdana Menteri menyampaikan ucapan tama dalam bahasa Melayu pada Persidangan Antarabangsa Ke-27 Mengenai Masa Depan Asia, di Tokyo semalam.

Ucapan setengah jam oleh Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob itu diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan Jepun.

Beliau menegaskan sekarang bukan masanya untuk dunia terus berbeza pendirian ketika sedang berdepan dengan pelbagai ancaman.

Pada penampilan sulungnya pada persidangan yang turut dikenali sebagai Persidangan Nikkei itu, Ismail Sabri berkata, dunia berdepan dengan ancaman seperti perubahan iklim yang memerlukan komitmen dan kerjasama serantau dan juga antarabangsa dalam usaha untuk menanganinya.

Beliau berkongsi dengan peserta persidangan itu satu periba-

hasa yang digunakan di Malaysia, iaitu 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat' yang mencerminkan kepentingan mewujudkan komitmen teguh terhadap kerjasama serantau dan antarabangsa.

"Kemelut yang melanda membawa hikmah supaya kita sama-sama belajar daripada pengalaman untuk mencari penyelesaian agar terus maju ke depan.

"Sebarang penyelesaian yang mahu dicari tidak seharusnya hanya menguntungkan satu pihak semata-mata," katanya.

Persidangan bertema 'Mentakrif Semula Peranan Asia dalam Dunia Yang Berbelah Pendirian'.

Ismail Sabri berkata, krisis ekonomi yang berlaku akibat pandemik COVID-19, dan kini konflik Ukraine peringatan rantau Asia seperti mana-mana juga rantau lain, tidak terkecuali daripada mendapat bahana.

Katanya, yang membezakan ialah sejauh mana kesan yang dirasai masing-masing dan negara maju tentunya lebih berupaya mendepani krisis berbanding negara kurang maju.

Beliau berkata, isu pengagihan vaksin yang tidak adil atau sama rata umpamanya menyebabkan ia menjadi ancaman kepada pemulihan ekonomi dunia.

Ismail Sabri berkata, sehingga Mei 2022, laporan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menyatakan 72 peratus penduduk negara maju diberikan sekurang-kurangnya satu dos vaksin,



Ismail Sabri bersalaman dengan Pengerusi Nikkei, Naotoshi Okada sebelum Persidangan Antarabangsa Ke-27 Mengenai 'Masa Depan Asia' (Persidangan Nikkei) di Tokyo, semalam. (Foto bernama)

sedangkan negara miskin hanya 17 peratus.

Beliau berkata, konflik yang melanda Ukraine menunjukkan negara yang tidak terbabit sama sekali dengannya tetap terkesan, dan Malaysia sebagai antara negara pedagang, juga mudah terdedah kepada perkembangan yang boleh mengganggu dan memberikan kesan yang buruk kepada keupayaan pengeluaran dan lojistik sejagat.

Katanya, ketika negara kuasa dunia dan syarikat multinasional kalut akibat kekurangan semikonduktor dan mikrochip yang menjejaskan industri mereka, isu gangguan bekalan terutama makanan memberikan kesan buruk yang lebih besar kepada rakyat biasa kerana meningkatnya kadar inflasi sehingga mencapai paras rekod tertinggi.

Tanpa banyak pilihan, beliau berkata, banyak negara dunia

mula giat mengatur strategi bagi memastikan jaminan bekalan makanan masing-masing untuk jangka pendek.

"Tiada siapa yang boleh berjaya jika bertindak bersendirian dalam jangka masa yang panjang. Kita haruslah memikirkan secara strategik bersama-sama bagi memperkukuh jalinan perdagangan dan kerjasama ekonomi antarabangsa untuk mendepaninya," katanya.